



rabangsa

Naib Canselor UniMAP Terima Anugerah Doktor Kehormat Dari Turki

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin menerima penghormatan apabila dianugerahi Ijazah Doktor Kehormat Hubungan Antarabangsa (Doctor Honoris Causa) oleh Universiti Karabuk, Turki. Pengiktirafan berkenaan adalah bagi menghargai sumbangan dan komitmen beliau dalam memperkasa hubungan akademik serta kerjasama di antara UniMAP dengan Universiti Karabuk yang secara tidak langsung mengeratkan hubungan dua hala Malaysia-Turki. Penganugerahan tersebut disempurnakan oleh Rektor Universiti Karabuk, Prof Dr Burhanettin Uysal. Majlis tersebut diadakan sempena sambutan ulang tahun penubuhan universiti itu yang ke-7.

Datuk Prof. Dr. Kamarudin merakamkan rasa terharu dan bersyukur dengan pengiktirafan yang diterima. Beliau berkata, ini telah membuka suatu lembaran baharu yang bakal memberikan lebih manfaat kepada kedua-dua universiti terutama dalam aspek akademik, pendidikan dan penyelidikan. Menurut beliau lagi, Universiti Karabuk juga pernah membuat lawatan akademik ke UniMAP bagi mengukuhkan kerjasama di antara kedua-dua buah institusi seterusnya menandatangani Program Pertukaran Mevlana di bawah Majlis Pengajian Tinggi Turki. Program berkenaan adalah untuk mengaktifkan program pertukaran staf dan pelajar selain pihak Pengajian Tinggi Turki akan menaja calon-calon staf serta pelajar dari UniMAP bagi menimba pengalaman di Turki selama tiga bulan.

Dalam masa yang sama Naib Canselor UniMAP turut mengambil peluang untuk menghadiri upacara Konvokesyen ke-7 Universiti Karabuk yang diadakan dengan penuh gilang gemilang. Upacara konvokesyen tersebut adalah untuk meraikan seramai 3,300 pelajar yang akan bergraduat dan penyampaian ijazah telah disempurnakan oleh Gabenor Karabuk, Rektor Karabuk University dan Naib Canselor UniMAP sendiri.

